




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

18 FEBRUARI 2022

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 5,565 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 298,110 kes. Enam (6) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu masing-masing satu (1) kes di daerah Tawau, Tuaran, Semporna, Penampang, Kota Belud dan Papar. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 2,152 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 252,147 orang. Manakala 2,960 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 1,414 orang di hospital, 1,287 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 258 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara dan satu (1) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 50 orang merangkumi 42 di ICU/repurposed kritikal care serta lapan (8) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan 27 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage empat (4)* dan *lima (5)* yang masih belum lengkap vaksin ialah 69 (25.09%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Kalabakan berubah dari zon jingga ke zon merah.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 27 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. Kedudukan Kes Positif COVID-19

- a. Jumlah jangkitan baharu Negeri Sabah terus meningkat kepada 5,565 kes iaitu peningkatan sebanyak 771 kes berbanding semalam. Jumlah ini adalah angka tertinggi yang pernah dicatatkan di Negeri Sabah.
- b. Kota Kinabalu merekodkan jumlah kes tertinggi di Sabah hari ini dengan 1,395 kes. Jumlah ini merupakan 1/5 daripada jumlah kes seluruh Negeri Sabah. Sejumlah 66% daripada kes baharu di Kota Kinabalu adalah daripada kes bergejala yang berpunca daripada jangkitan sporadik.
- c. Sebanyak 12 daerah mencatatkan kes tiga (3) angka iaitu Penampang 606 kes, Tawau 430 kes, Lahad Datu 398 kes, Papar 337 kes, Tuaran 320 kes, Sandakan 289 kes, Kota Belud 216 kes, Keningau 215 kes, Putatan 188 kes, Kota Marudu 164 kes, Beaufort 158 kes dan Ranau 104 kes. Manakala sejumlah 14 daerah mencatatkan kes dua (2) angka. Seluruh daerah merekodkan jangkitan baharu hari ini.
- d. Jumlah kes yang berpunca daripada jangkitan dalam komuniti atau sporadik ialah 62.43% atau 3,474 daripada 5,565 kes. Jangkitan dalam komuniti (sporadik) lazim tidak diketahui punca jangkitan atau di mana jangkitan berlaku dikategorikan sebagai Kes Bergejala. Kes jangkitan sporadik yang tinggi adalah petanda jelas bahawa virus ini sudah menyebar ke seluruh komuniti dan bukan lagi tertumpu di lokaliti-lokaliti tertentu.
- e. Terdapat dua (2) lagi kluster institusi pendidikan baharu diisytiharkan hari ini iaitu Kluster Kg Lampada di Kota Marudu dan Kluster Bukit Langsung di Keningau. Jumlah keseluruhan kluster di Sabah setakat ini ialah 42 kluster dengan satu (1) kluster yang diisytihar tamat semalam iaitu Kluster Sg Trayon di Kinabatangan. Kluster ini merupakan Kluster Tempat Kerja.

- f. Kluster Kampung Lampada adalah kluster yang melibatkan warga SK Lampada, Kota Marudu. Indeks kes adalah seorang pembantu pengurusan murid di asrama SK Lampada, berumur 36 tahun, warganegara dan dikesan melalui saringan bergejala pada 15 Februari 2022. Saringan terhadap kontak rapat telah mendapati pertambahan 24 kes. Secara keseluruhannya, jumlah kumulatif ialah 25 kes positif setakat 18 Februari 2022. Semua kes telah diasingkan dan diberikan rawatan selanjutnya. Kontak rapat tidak bergejala juga telah diberikan perintah kuarantin.
- g. Kluster Bukit Langsung pula adalah melibatkan pelajar di dalam Asrama Perempuan, Blok Cempaka dan Blok Dahlia, Institut Pengajian Guru (IPG) Kampus Keningau. Indeks kes adalah seorang pelajar perempuan, 21 tahun, warganegara dan dikesan melalui saringan bergejala pada 10 Februari 2022. Saringan terhadap kontak rapat telah mendapati pertambahan 24 kes. Secara keseluruhannya, jumlah kumulatif ialah 25 kes positif setakat 18 Februari 2022. Semua kes telah diasingkan dan diberikan rawatan selanjutnya. Kontak rapat tidak bergejala juga telah diberikan perintah kuarantin.
- h. Sejumlah 99.59% atau 5,542 dari 5,565 kes adalah dalam Kategori 1 dan 2. Terdapat enam (6) kes dalam Kategori 3, 12 kes dalam Kategori 4 dan lima (5) kes dalam Kategori 5.
- i. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (1,717) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	77	1.38%
2	Kontak	1,717	30.85%
3	Bergejala	3,474	62.43%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	297	5.33%
JUMLAH		5,565	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (17 Februari 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 17/02/2022	Catatan Kes 18/02/2022	Perbandingan
1	Kota Kinabalu	904	1,395	+491
2	Tawau	273	430	+157
3	Lahad Datu	242	398	+156
4	Penampang	513	606	+93
5	Keningau	136	215	+79
6	Kota Belud	156	216	+60
7	Putatan	128	188	+60
8	Tongod	0	54	+54
3	Pitas	52	91	+39
10	Nabawan	18	52	+34
11	Sipitang	51	72	+21
12	Tenom	56	74	+18
13	Kota Marudu	149	164	+15
14	Tambunan	72	85	+13
15	Kudat	25	26	+1
16	Sandakan	459	289	-170
17	Tuaran	444	320	-124
18	Ranau	195	104	-91
19	Beaufort	203	158	-45
20	Beluran	71	43	-28
21	Telupid	47	27	-20
22	Kinabatangan	51	39	-12
23	Papar	347	337	-10
24	Semporna	43	34	-9
25	Kuala Penyu	90	85	-5
26	Kunak	53	49	-4
27	Kalabakan	16	14	-2
JUMLAH		4,794	5,565	+771

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	23	429	921	0	22	1395	10,161
Penampang	0	179	414	0	13	606	4,544
Tawau	0	52	362	0	16	430	2,908
Lahad Datu	0	99	184	0	115	398	2,420
Papar	0	109	223	0	5	337	2,910
Tuaran	0	153	148	0	19	320	4,068
Sandakan	0	32	250	0	7	289	5,333
Kota Belud	15	62	133	0	6	216	1,484
Keningau	3	118	90	0	4	215	1,297
Putatan	0	34	153	0	1	188	1,343
Kota Marudu	34	70	56	0	4	164	1,370
Beaufort	0	44	95	0	19	158	1,562
Ranau	2	36	56	0	10	104	1,709
Pitas	0	48	38	0	5	91	305
Kuala Penyu	0	67	18	0	0	85	739
Tambunan	0	14	69	0	2	85	403
Tenom	0	29	44	0	1	74	355
Sipitang	0	32	36	0	4	72	513
Tongod	0	0	54	0	0	54	147
Nabawan	0	27	23	0	2	52	240
Kunak	0	21	26	0	2	49	634
Beluran	0	28	12	0	3	43	445
Kinabatangan	0	7	23	0	9	39	494
Semporna	0	0	18	0	16	34	554
Telupid	0	15	11	0	1	27	451
Kudat	0	2	13	0	11	26	417
Kalabakan	0	10	4	0	0	14	48
JUMLAH	77	1,717	3,474	0	297	5,565	46,854

- d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Kota Kinabalu	Kluster Tembok Kota Kinabalu 2	1
	Kluster Sutera 2	22
Ranau	Kluster Puri Ranau	1
	Kluster Kemburongoh 2	1
Keningau	Kluster Bukit Langsung	3
Kota Marudu	Kluster Jalan Bandau	11
	Kluster Kampung Lampada	23
Kota Belud	Kluster Batu Enam Kota Belud	2
	Kluster Jubi Tambulion	1
	Kluster Pengkalan Abai	12
Jumlah		77

6 Terdapat dua (2) **kluster baharu** direkodkan hari ini.

- i **Kluster Bukit Langsung - Keningau** melibatkan jangkitan COVID-19 dalam kalangan pelatih di Institut Pengajian Guru (IPG) Kampus Keningau. Kluster institusi pendidikan yang dikesan pada 10 Februari 2022, kini menokok tiga (3) kes baharu menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 25 kes hasil saringan ke atas 77 kontak rapat khususnya di asrama wanita iaitu Blok Cempaka dan Blok Dahlia. Kes indeks pula merupakan wanita tempatan, 21, iaitu pelatih yang tinggal di asrama institusi terbabit. Semua kes telah diasingkan dan diberikan rawatan selanjutnya. Kontak rapat tidak bergejala juga telah diberikan perintah kuarantin.

- ii **Kluster Kampung Lampada - Kota Marudu** melibatkan warga SK Lampada dan dikategorikan sebagai kluster institusi pendidikan. Kes indeks adalah wanita tempatan, 36, dan merupakan Pembantu Pengurusan Murid di asrama sekolah tersebut yang dikesan positif COVID-19 melalui saringan bergejala pada 15 Februari 2022. Saringan terhadap kontak rapat mendapati pertambahan 24 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 25 kes. Semua kes telah diasingkan dan diberikan rawatan selanjutnya. Kontak rapat tidak bergejala juga telah diberikan perintah kuarantin.

7 Jumlah kapasiti katil 4,391 unit

- Hospital 1,709unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,226 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 428 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 67.41%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 18 FEBRUARI 2022

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	5549
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	5
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	1
Orang Dalam Tahanan /Banduan	10
Jumlah	5,565

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
Indonesia	1
Brunei	1
Taiwan	2
Gabon	1
Jumlah	5

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
WP Kuala Lumpur	1
Jumlah	1

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	5,377
Bukan Malaysia	188
Jumlah	5,565

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 5)	247
Belum Menerima Vaksin (5-11)	390
Belum Menerima Vaksin (>11 Tahun)	335
Menerima 1 Dos	18
Lengkap 2 Dos	3,265
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	1310
Jumlah	5,565

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	49
1 to 5	198
6 to 11	398
12 to 17	428
18 to 25	906
26 to 59	3,246
>60	340
Jumlah	5,565

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 17 Februari 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 11,687 orang. Daripada jumlah ini, seramai 9,930 orang adalah penduduk dewasa, 69 orang adalah penduduk remaja 1,688 orang adalah penduduk kanak-kanak.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 17 Februari 2022 adalah seramai 2,473,777 orang. Ini meliputi 2,118,226 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 77.97% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,412,194 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,098,760 orang atau 77.26% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 338,160 orang atau 79.34% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 313,434 atau 73.54% orang setakat ini.

- 4 Bagi penduduk kanak-kanak pula, seramai 17,391 atau 4.23% orang telah menerima 1 dos vaksin.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **682,496** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS

- 1 Penguatkuasaan SOP dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 217 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 51 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan sebanyak tiga (3) tangkapan dibuat iaitu di bawah Akta Perikanan 1985, Akta Imegresen 1959/63 dan Ordinan Perkapalan 1952 (MSO 1952)
- 2 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 776 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Sebanyak dua (2) kompaun dikeluarkan oleh PBT iaitu di daerah Tawau. Tiada notis/amaran dikeluarkan oleh PBT.
 - ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 222 premis perniagaan dan 305 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.
- 3 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 365 Premis Perniagaan melibatkan 141 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 4 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 135 anggota.

- 5 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 30 premis, melibatkan 11 buah BBP pada hari ini.
- 6 Sejumlah 120 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di tujuh (7) daerah pada hari ini.
- 7 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 133 hebahan di seluruh Sabah.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **97.3%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Semporna	97.7%
2	Kudat	97.7%
3	Kota Marudu	97.5%
4	Ranau	97.5%
5	Keningau	97.5%
6	Lahad Datu	97.4%
7	Beaufort	97.3%
8	Kinabatangan	97.3%
9	Kunak	97.3%
10	Beluran	97.3%
11	Sipitang	97.3%
12	Tawau	97.3%
13	Kota Kinabalu	97.3%
14	Tuaran	97.2%
15	Tenom	97.2%
16	Sandakan	97.2%
17	Papar	97%
18	Kota Belud	97%
19	Penampang	97%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II